

23 APR 1997

SAM GESA KERAJAAN KEDAH KAJI TEMPATKAN NELAYAN DI RUMAH PANGSA

PULAU PINANG, 23 April (Bernama) -- Sahabat Alam Malaysia (SAM) hari ini menggesa kerajaan negeri Kedah mengkaji semula keputusannya untuk menempatkan kira-kira 600 keluarga nelayan di Kuala Kedah di rumah pangsa di daerah berkenaan.

Presiden SAM S.M.Mohamad Idris dalam kenyataan akhbarinya di sini berkata, langkah kerajaan itu tidak munasabah kerana para nelayan mempunyai cara hidup mereka tersendiri dan memerlukan rumah di kawasan berhampiran laut.

Kerajaan negeri Kedah juga perlu sedar bahawa cadangan kerajaan untuk mengambil tanah di kawasan persisir pantai di situ juga telah mengorbankan kampung nelayan tradisional, katanya.

Beliau mengulas kenyataan 600 keluarga nelayan di Kuala Kedah yang tidak bersetuju dengan kerajaan negeri itu menempatkan mereka di rumah pangsa kerana langkah itu tidak mengambilkira kesesuaian dengan pekerjaan mereka.

"Kerajaan sebelum ini telah berjanji untuk mewujudkan kampung nelayan moden dan SAM hairan dengan keputusan baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ketika melawat ke kawasan perkampungan berkenaan baru-baru ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap Perdana Menteri dapat mempertimbangkan rayuan para penduduk yang menghantar memorandum mereka kepada beliau bagi mengkaji semula keputusan kerajaan negeri, kata beliau. -- BERNAMA

AA AHM PR